



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNHEP)

POLISI LARANGAN PENGGUNAAN SOKONGAN DAN PENGARUH LUAR SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

Polisi Larangan Penggunaan Sokongan dan Pengaruh Luar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dibangunkan sebagai satu komitmen SSM untuk memantapkan tadbir urus (governans), integriti dan antirasuah agar setiap fungsi, perkhidmatan, penguatkuasaan, operasi, aktiviti dan program SSM sentiasa bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan selaras dengan hasrat SSM untuk mencapai tahap piawaian integriti tertinggi dalam membuat penilaian dan keputusan secara telus dan adil kepada Anggota dan Pegawai SSM.

Anggota Suruhanjaya dan Pegawai SSM adalah dilarang untuk:

- (a) membawa atau cuba membawa pengaruh luar atau mengemukakan apa-apa sokongan daripada mana-mana Pemimpin Kerajaan atau Individu Berpengaruh bagi menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan sesuatu keputusan;
- (b) menggunakan sokongan atau pengaruh luar sebagai asas pertimbangan atau arahan daripada Pemimpin Kerajaan atau Individu Berpengaruh dalam membuat sesuatu keputusan; dan
- (c) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap SSM, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana Pegawai SSM lain.

Polisi Larangan Penggunaan Sokongan dan Pengaruh Luar SSM ini hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Larangan Penggunaan Sokongan dan Pengaruh Luar SSM.


YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
PENERUSI
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

4 OGOS 2022